

GARIS PANDUAN BERSUCI BAGI KAKITANGAN OPERASI SISTEM PEMBENTUNGAN

**Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-91
4-5 Ogos 2010**

TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberikan panduan serta rujukan kepada kakitangan yang terlibat dalam pengendalian operasi sistem pembentungan berkaitan kaedah penyucian dan pembersihan diri menurut perspektif syarak.

LATAR BELAKANG

Pengurusan sistem pembentungan secara teratur dan sistematik merupakan perkara teras dalam memastikan kesejahteraan seluruh masyarakat khususnya dalam aspek kesihatan, kebersihan dan seumpamanya. Selain itu, pengurusan sistem pembentungan yang berkualiti juga akan menjamin keselamatan sosial dan merupakan imej sebuah negara membangun. Antara agensi yang bertanggungjawab menguruskan sistem pembentungan ialah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

Walau bagaimanapun dalam beberapa keadaan, operasi dalam pengendalian dan pengurusan sistem pembentungan perlu berinteraksi dengan kumbahan yang terdiri daripada najis-najis. Perkara ini sudah tentu akan menimbulkan pelbagai persoalan serta keraguan bagi kakitangan operasi yang beragama Islam khususnya kaedah bersuci dan membersihkan diri.

Oleh yang demikian, garis panduan ini akan menerangkan kaedah pembersihan diri selaras dengan kehendak syarak yang dituntut ke atas setiap Muslim.

KANDUNGAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini akan menyentuh beberapa aspek seperti berikut:

1. Takrif;
2. Operasi Pembetungan;
3. Kebersihan Menurut Perspektif Islam;
4. Kaedah Bersuci Menurut Syarak;
5. Hal-Hal Berkaitan; dan
6. Penutup

TAKRIF

1. Sistem pembetungan

Sistem yang mengandungi pembetung, paip pelupusan, stesen pengepam atau tempat pengolahan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, kelengkapan dan pelengkapannya lain yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi mengumpulkan, membawa, mengepam atau mengolah kumbahan atau bagi melupuskan efluen atau enap cemar atau kumbahan yang sudah diolah.

2. Efluen industri

Sisa cecair atau air sisa yang terhasil oleh sebab atau semasa proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian.

3. Enap cemar kumbahan

Campuran baki pepejal atau cecair yang terhasil semasa pengolahan separa atau penuh kumbahan tetapi tidak termasuk efluen kumbahan terolah yang dilepaskan melalui paip pelupusan.

4. Kumbahan

Apa-apa sisa cecair atau air sisa yang dilepaskan yang mengandungi

bahan dari tubuh manusia atau haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan, dan termasuk cecair yang mengandungi bahan kimia dalam larutan tetapi tidak termasuk efluen industri

5. Pembetung

Apa-apa paip, dengan perlengkapannya, yang direkabentuk untuk membawa kumbahan dari dua premis atau lebih ke tempat pengolahan pembetungan

6. Paip pelupusan

Paip, saluran, pembuluh atau struktur yang seumpamanya yang digunakan bagi pelepasan efluen dari sistem pembetungan bagi pelepasan akhirnya ke parit, alur air, anak sungai, sungai, muara, laut atau medium penerima yang lain

7. Paip sambungan persendirian

Apa-apa paip, saluran, pembuluh, atau struktur seumpamanya yang digunakan, atau yang boleh digunakan, bagi menyalirkan kumbahan dari premis hingga ke tempat sambungan dengan pembetung atau tempat pengolahan atau tangki septik

8. Tangki Septik

Tangki mendapan dengan satu petak atau lebih yang membentuk suatu sistem atau separa atau sepenuhnya, kumbahan dari satu premis.

9. Tempat Pengolahan

Kemudahan yang direka bentuk untuk menerima dan memproses kumbahan atau hasil sampingannya sebelum dilupuskan ke medium penerima.

10. Peralatan Pengolahan

Peralatan yang digunakan dalam suatu sistem untuk mengolah kumbahan, secara langsung atau tidak langsung.

OPERASI PEMBETUNGAN

Terdapat dua jenis sistem pembetungan iaitu sistem pembetungan bersambung ke loji rawatan kumbahan dan tangki septik individu. Sistem pembetungan bersambung terdiri daripada rangkaian paip-paip pembetungan bawah tanah, stesen-stesen pam, loji-loji rawatan kumbahan dan kemudahan-kemudahan merawat enap cemar kumbahan.

Manakala tangki septik individu mempunyai 3 sehingga 4 penutup logam bersegi empat tepat dan pada lazimnya berada di luar kawasan premis sama ada dibahagian hadapan, belakang atau tepi sesebuah premis. Pekerja dan kakitangan operasi pembetungan berkemungkinan terdedah kepada najis di beberapa bahagian di dalam loji seperti berikut:

1. Pembersihan penyaring di bahagian salur masuk air kumbahan ke dalam loji
2. Pengeluaran pepejal (sampah) di ruang kersik
3. Kemudahan penerimaan enap cemar daripada lori tangki pengosongan tangki septik
4. Bahagian pengeringan enap cemar
5. Pembersihan kawasan penjernih sekunder
6. Pembersihan saliran parit alur keluar efluen terakhir

KEBERSIHAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Islam sangat menitikberatkan aspek kebersihan dalam kehidupan insan. Beberapa ayat al-Quran dan hadith Nabi SAW telah menjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan kebersihan. Firman Allah SWT:

لَا نَقْمِدُ فِيهِ أَبَدًا لِّسْجُونَ عَلَى الْتَّقْوَىٰ مِنْ أُولَئِي وَمِنْ أَحَقِّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ
فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَنْظَهُرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُظَاهِرِينَ

Maksudnya : Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya Engkau sembahyang padanya di dalam Masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)".

(Surah al- Taubah: 108)

Selain itu, firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 222 telah menjelaskan:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيطِينَ قُلْ هُوَ أَذْيَ فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيطِينَ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ
حَتَّىٰ يَطْهُرُنَّ فَإِذَا نَظَهَرُنَّ فَأُتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْتَّوَّبِينَ وَيُحِبُّ
 لِمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: "Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) Dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri."

Hadith Nabi SAW¹ yang bermaksud:


"Daripada Abi Malik al-Asyari katanya : Rasulullah SAW telah bersabda : Kesucian itu adalah sebahagian daripada iman..."

Di samping itu, fuqaha' mazhab Syafie telah menyatakan suci anggota badan daripada hadas dan najis serta suci pakaian dan tempat solat daripada najis

¹ Sahih Muslim, Kitab al-thaharah, bab fadhl al-wuduk, no. hadith 223, dalam Mansu'ah as-Sunnah, al-Kitab al-Sittah wa Shuruhuhu (1992).

adalah menjadi syarat sah kepada ibadah solat. Antara dalil yang menjadi sandaran dalam perkara ini adalah seperti berikut:

1. Firman Allah SWT dalam surah al-Muddaththir ayat 4:



Maksudnya: "Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan".

2. Hadith Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Mus'ab bin Saad² yang bermaksud:

"Daripada Mus'ab bin Saad berkata..sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "solat tidak diterima tanpa bersuci.."

KAEDAH BERSUCI

Berpandukan kepada keputusan yang telah diputuskan oleh ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan³, kakitangan yang terlibat dalam kerja-kerja operasi sistem pembetungan dan terpaksa berinteraksi dengan najis dalam kumbahan tersebut perlulah menyucikan diri dengan kaedah seperti berikut:

1. Menghilangkan ‘ain najis pada badan dan pakaian;
2. Membasuh dengan air yang suci sehingga peringkat yakin (hilang bau, warna dan rasa); dan
3. Bagi menyucikan najis mughallazah, selain daripada syarat (1) dan (2) di atas, ia perlu dibasuh dengan tujuh kali air yang suci termasuk sekali air yang bercampur tanah.

² Sahih Muslim, kitab al-thaharah, bab wajub al-thaharah li al-solat, no. hadith 224, dalam Mansu'ah as-Sunnah, al-Kutub al-Sittah wa Shuruhuh (1992).

³ Cabutan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke- 82 berkaitan Hukum Bersuci Bagi Pekerja di Loji Kumbahan yang telah bersidang pada 5-7 Mei 2008.

HAL- HAL BERKAITAN

Kakitangan operasi sistem pembetungan hendaklah sentiasa mematuhi perkara- perkara seperti berikut:

1. Kod etika keselamatan yang telah disediakan oleh operator loji, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia serta agensi-agensi berkaitan; dan
2. Memakai pakaian khusus (contohnya seperti baju kalis air, kasut but dan sarung tangan getah) semasa menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan loji bagi mengelakkan najis tersebut terkena terus kepada badan dan pakaian pekerja.

PENUTUP

Dengan mengikuti garis panduan yang disediakan ini, diharapkan pekerja yang telibat dalam pengendalian operasi loji rawatan kumbahan khususnya kakitangan yang beragama Islam dapat menjadikannya sebagai dokumen rujukan untuk membersihkan diri menurut perspektif syarak selepas melaksanakan tugas-tugas operasi pembetungan.